

Elemen Budaya Dalam Kalangan Masyarakat Iban: Sorotan Literatur Bersistematik (SLR)

Debbie Grace Frederick Matt*, Muhamad Fadzllah Zaini

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: debbiegrace98@gmail.com

ARTICLE HISTORY

Received: 19th August 2025
Revised: 16th October 2025
Accepted: 22nd October 2025
Published: 13th April 2026

KEYWORDS

Elemen budaya
Masyarakat Iban

ABSTRAK - Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen budaya masyarakat Iban yang telah dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu melalui pendekatan Tinjauan Literatur Sistemik (SLR). Fokus utama kajian adalah terhadap enam elemen budaya utama, iaitu sosial, seni, bahasa, pakaian, tradisi, dan kepercayaan. Kaedah PRISMA digunakan untuk menapis dan menganalisis artikel-artikel yang diperolehi daripada pangkalan data terpilih berdasarkan kriteria tertentu. Hasil analisis mendapati bahawa elemen bahasa merupakan aspek yang paling dominan, diikuti oleh aspek kepercayaan dan seni. Kajian ini juga mengenal pasti jurang dalam penyelidikan terdahulu, terutamanya dari segi dokumentasi yang komprehensif dan kajian berasaskan komuniti kontemporari. Dapatan ini mendapati bahawa elemen kepercayaan, bahasa dan seni masih kukuh diamalkan oleh masyarakat Iban, namun elemen sosial, pakaian dan tradisi semakin kurang dititikberatkan. Hal ini menunjukkan keperluan terhadap intervensi yang sistematik dalam bidang pendidikan, penglibatan komuniti, serta pelaksanaan kajian lanjutan bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan warisan budaya masyarakat Iban dapat dipelihara.

ABSTRACT - This study aims to identify and analyze the cultural elements of the Iban community that have been discussed in previous studies through a Systematic Literature Review (SLR) approach. The main focus of the study is on six main cultural elements, namely social, art, language, clothing, tradition, and belief. The PRISMA method is used to filter and analyze articles obtained from selected databases based on certain criteria. The results of the analysis found that the language element is the most dominant aspect, followed by the belief and art aspects. This study also identified gaps in previous research, especially in terms of comprehensive documentation and contemporary community-based studies. This finding found that the elements of belief, language, and art are still strongly practiced by the Iban community, but the social elements, clothing, and tradition are increasingly being emphasized. This indicates the need for systematic interventions in the fields of education, community involvement, and the implementation of further studies to ensure the sustainability and continuity of the Iban community's cultural heritage can be preserved.

PENGENALAN

Secara umumnya, budaya merujuk kepada amalan yang menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat atau kaum. Hal ini sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Bernadeti Sartika Yasni Litik & Dian Fitri Argarini (2023) yang menyatakan bahawa budaya merupakan sesuatu kebiasaan atau kelaziman yang diamalkan oleh sekelompok masyarakat secara turun-temurun. Manakala Joep Leerssen (2021) menyatakan bahawa budaya bukan sekadar digunakan untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga merujuk kepada cara manusia berfikir, berperilaku, dan pengaruhnya terhadap kehidupan sesuatu masyarakat. Jika diteliti dengan lebih mendalam, budaya boleh dipecahkan kepada beberapa aspek atau elemen yang berbeza. Menurut C. Kluckhohn (1953), budaya dapat dijelaskan melalui aspek-aspek seperti bahasa, kemasyarakatan, kepercayaan, kesenian dan teknologi. Manakala David Kaplan (2002) pula menyatakan bahawa budaya boleh dikelompokkan kepada enam unsur, iaitu unsur kebendaan, bukan kebendaan, kepercayaan, sosial, bahasa dan kesenian. Pendapat beliau turut disokong dengan pendapat Zoltan Konvecses (2005) yang membahagikan budaya kepada beberapa elemen seperti sosial, tradisi, seni, kepercayaan, bahasa dan pakaian. Jadi, secara ringkasnya budaya adalah merujuk kepada kebiasaan dan kelaziman dalam kehidupan masyarakat yang merangkumi aspek unsur kebendaan, bukan kebendaan, kepercayaan, sosial, bahasa, adat, kesenian dan teknologi.

Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Antaranya, kaum Melayu, Cina, India, Kadazan Dusun, Bidayuh, Kelabit, Iban dan banyak lagi. Setiap kaum ini pasti mempunyai amalan dan budayanya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentukan budaya dalam kaum adalah berdaaskan tingkah laku manusia (Wan Basyirah Abdul Majid, Zakaria, & Mhd Rusdi, 2022). Elemen budaya yang diamalkan oleh setiap kaum tersebut pasti merangkumi aspek seperti unsur kebendaan, bukan kebendaan, kepercayaan, sosial, bahasa, adat, kesenian dan teknologi. Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah setiap kaum di Malaysia masih mengamalkan budaya masing-masing, dan adakah generasi baharu daripada setiap kaum mengetahui serta memahami amalan budaya mereka sendiri? Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah masyarakat mudah terpengaruh dengan budaya asing sehingga elemen budaya dalam kaum bakal hilang sekiranya tidak dibendung dari awal (Wan Basyirah Abdul Majid et al., 2022). Jadi, perkara ini turut membimbangkan apabila segelintir masyarakat Iban, terutamanya generasi muda sekarang kurang didedahkan atau kurang mengetahui amalan budaya yang diturunkan oleh nenek moyang suatu ketika dahulu (Adilawati & Noria Tugang, 2024). Hal ini telah menunjukkan bahawa unsur budaya dalam kalangan masyarakat Iban masih perlu diterokai dan diteliti dengan lebih meluas lagi seperti mana yang ditunjukkan dalam sorotan literatur. Tambahan pula, kajian-kajian lepas hanya fokus kepada elemen adat dan kepercayaan sahaja, sedangkan budaya terdiri daripada pelbagai elemen atau unsur (Doratya Gerry, Harishon & Fazal Mhd, 2024).

Berdasarkan permasalahan atau kelompangan kajian dalam bidang ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti budaya yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban berdasarkan kajian-kajian lepas. Lebih-lebih lagi dari segi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat Iban. Maka, kajian ini digunakan untuk menganalisis elemen budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat Iban yang masih diamalkan dan kerap diamalkan menerusi sorotan kajian-kajian lepas.

METODOLOGI KAJIAN

Sorotan Literatur Bersistematik (SLR) adalah kajian yang memerlukan pencarian artikel dengan menggunakan kaedah yang bersistematik dalam mengenal pasti, memilih, menilai, mengumpul dan menganalisis data daripada kajian-kajian lepas. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini adalah berdasarkan kaedah PRISMA, iaitu merangkumi empat peringkat seperti pengenalanpastian, membuat pemeriksaan, kelayakan dan memasukkan artikel yang terpilih dalam kajian SLR.



Rajah 1. Carta Alir PRISMA

Rajah 1 menunjukkan rajah carta alir bagi kaedah PRISMA. Berdasarkan rajah tersebut, kaedah PRISMA terdiri daripada empat kaedah, iaitu bermula dengan pengenalpastian, pemeriksaan, kelayakan dan terpilih.

Strategi Pencarian Sumber

Kajian ini telah menggunakan beberapa strategi untuk mencari artikel dari kajian-kajian lepas. Pencarian sumber kajian-kajian lepas adalah berpandukan elemen budaya yang diamalkan oleh masyarakat Iban. Maka, kajian ini telah menggunakan pangkalan data seperti *Google Scholar* dan *MyCite* untuk mendapatkan artikel-artikel yang berkaitan. Pencarian sumber atau artikel adalah berdasarkan empat langkah dalam kaedah PRISMA.

1. Pengenalpastian

Langkah pertama yang digunakan dalam kajian ini adalah pengenalpastian. Pada peringkat ini, pengkaji mengakses pangkalan data seperti *Google Scholar* dan *MyCite* untuk mencari artikel yang berkaitan dengan kajian ini. Bagi mengenal pasti artikel yang berkaitan dengan bidang ini, pengkaji telah menetapkan beberapa kata kunci bagi memudahkan carian artikel dalam pangkalan data. Antara kata kunci yang digunakan adalah seperti "masyarakat Iban", "elemen budaya", "budaya Iban", "warisan budaya" dan "Iban" (Rujuk jadual 1). Jadi, setiap carian dalam pangkalan data tersebut akan menggunakan kata kunci yang sama. Tujuan pengkaji menetapkan kata kunci tersebut adalah untuk memudahkan carian yang lebih spesifik kepada tajuk atau bidang kajian ini, iaitu melibatkan elemen budaya masyarakat Iban. Hasil daripada carian berdasarkan kata kunci, pengkaji telah memperoleh artikel yang berkaitan sebanyak 32 artikel.

Jadual 1. Kata kunci dan pangkalan data yang digunakan untuk membuat carian artikel

Pangkalan data	Kata kunci dalam carian artikel
Google Scholar	"Masyarakat Iban" AND "elemen budaya" AND "Iban" OR "warisan budaya"
MyCite	"elemen budaya" AND "budaya Iban" AND "Iban" OR "warisan budaya"

2. Pemeriksaan

Pada peringkat ini, pengkaji membuat saringan dan tapisan terhadap artikel yang dipilih. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak artikel yang terdapat dalam pangkalan data dari Google Scholar dan Mycite. Maka, pemilihan artikel yang diperlukan hendaklah dilakukan berdasarkan kriteria yang sesuai dengan kajian. Bagi memenuhi keperluan dapatan kajian, terdapat beberapa kelayakan dan pengecualian untuk membuat saringan dan tapisan terhadap artikel.

Antara kriteria yang menjadi fokus dalam memilih artikel ialah jenis dokumen artikel, garis masa penerbitan dan bahasa. Jenis dokumen yang diperlukan dalam kajian ini adalah artikel jurnal. Jenis dokumen yang dikecualikan dalam kajian ini adalah seperti persidangan, tesis dan buku. Manakala dari segi garis masa penerbitan artikel yang dipilih pula adalah dalam tempoh lima tahun ke atas, iaitu bermula dari tahun 2020 sehingga 2025. Kecuali artikel yang melibatkan definisi atau konsep boleh merujuk kepada artikel yang lama, iaitu lima tahun ke bawah. Seterusnya, dari segi bahasa yang digunakan dalam artikel pula tidak terbatas kepada satu bahasa sahaja asalkan kandungan artikel tersebut relevan dengan keperluan kajian.

Jadual 2. Kriteria pemeriksaan dan saringan artikel

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Jenis dokumen	Artikel jurnal	Kertas persidangan, tesis, bab dalam buku
Tahun penerbitan	Tahun 2020 – tahun 2025	Tahun 2019 ke bawah
Bahasa	Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris	Selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

3. Kelayakan

Langkah yang ketiga adalah membuat saringan terhadap kualiti artikel. Pada peringkat ini, pengkaji menapis artikel yang layak dan relevan dengan bidang kajian. Hal ini bertujuan agar artikel yang dipilih dapat memenuhi kriteria seperti yang terdapat dalam jadual 2 dan dapat memenuhi objektif kajian. Saringan terhadap artikel adalah bermula dengan membaca tajuk, abstrak, metodologi, dapatan dan perbincangan kajian. Melalui pembacaan tersebut, artikel-artikel yang tidak menepati kriteria yang diperlukan tidak akan dimasukkan dalam kajian ini.

4. Terpilih

Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir dalam kaedah PRISMA. Pada peringkat ini pengkaji telah memperoleh artikel yang sesuai dan relevan dengan kajian ini. Jadi, secara keseluruhannya pengkaji telah memperolehi sebanyak 17 artikel yang melibatkan kajian terhadap elemen budaya masyarakat Iban (Rujuk jadual 3).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil saringan artikel, terdapat 17 artikel yang dipilih dan dimasukkan dalam kajian Sistemik Literatur Review (SLR). Kesemua artikel yang dipilih adalah berdasarkan enam elemen budaya dalam kalangan masyarakat Iban, iaitu merangkumi elemen sosial, kepercayaan, bahasa, seni, pakaian dan tradisi (Zoltan Konvecses, 2005). Jadi, jadual 3 menunjukkan elemen-elemen budaya yang pernah dikaji oleh pengkaji lepas.

Jadual 3. Kajian lepas yang berkaitan dengan elemen budaya

Bil.	Tahun	Penulis	Tajuk	Nama Jurnal
1.	2021	Debbie Andrew & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff	<i>Adaptasi Budaya Melayu Dalam Kalangan Masyarakat Iban di Lumut, Perak</i>	<i>Jurnal Wacana Sarjana</i>
2.	2023	Erni Zunatasha, Fatin Amirah Huwaida Jakariya, Izyan Khaliesah, Natasha Dayang, Nik Nur'ain Dalila & Nur Iylia Maisarah	<i>Perbandingan Pantang Larang Kaum Iban dan Kaum Melanau</i>	<i>Jurnal Melayu Sedunia</i>
3.	2022	Gregory Kiyai @ Keai	<i>Makhluk Mitologi Dalam Artifak Budaya Iban: Pua Kumbu</i>	<i>Jurnal Arkeologi Malaysia</i>
4.	2024	Mohammad Sufiyan Osman, Adilawati Asri, Noria Tugang	<i>Pengaruh Alam Semula Jadi Dalam Tradisi Bertatu Iban</i>	<i>Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)</i>
5.	2023	Mackla Peter Langan & Anida Sarudin	<i>Analisis kognitif Etnik Iban dalam Leka Main berdasarkan Teori Genus dan Spesies</i>	PENDETA
6.	2021	Maria Anak Ahoi & Nurfaradilla Mohamad Nasri	<i>Pengaruh Budaya Iban Terhadap Gaya Pembelajaran Murid Iban</i>	<i>Jurnal Personalia Pelajar</i>
7.	2020	Laura Seman	<i>Imej arketaip dalam puisi Sabak: Archetypal Images in Sabak Poetry</i>	PENDETA
8.	2020	Bejamin Liam & Chemaline Osup	<i>Unsur Simbolisme Dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang: Element of Symbolism in Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	PENDETA
9.	2020	Jessica Dato , Rosline Sandai & Taufik Dermawan	<i>Unsur yang membentuk metafora dalam Biau [The elements that form metaphor in Biau</i>	<i>Muallim Journal of Social Sciences and Humanities</i>
10.	2020	Isa Lee & Rosline Sandai	<i>Ciri Dan Maksud Hiperbola (Jaku Kelangkung) Lirik Dalam Lagu Pop Iban</i>	<i>Muallim Journal of Social Sciences and Humanities</i>
11.	2021	Mangie Anak Liddy dan Kartini Abd. Wahab	<i>Tabu bahasa dalam aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak</i>	<i>Geografia</i>
12.	2022	Sylvia Saging & Zainuddin Baco	<i>Simbolik Motif-Motif Tatu Tradisional Masyarakat Kaum Iban Di Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak</i>	<i>Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)</i>
13.	2020	Gregory Kiyai, Noria Tugang & Olivia Seer	<i>Ngajat Iban: Satu penelitian budaya</i>	<i>KUPAS SENI (Jurnal Seni dan Pendidikan Seni)</i>
14.	2020	Jacqueline & Chemaline	<i>Persepsi Masyarakat Iban terhadap Tenunan Pua Sungkit di Batang Ai</i>	<i>KUPAS SENI (Jurnal Seni dan Pendidikan Seni)</i>
15.	2020	Gregory Kiyai & Noria Tugang	<i>Penelitian Koleksi Aksesori Perak Ngepan Indu "Biah Anak Anji" Dalam Konteks Budaya Benda Masyarakat Iban</i>	<i>Asian People Journal (APJ)</i>
16.	2023	Erni Zunatasha Rosli, Fatin Amirah Huwaida Jakariya, Izyan Khaliesah Empang Mohd. Khir	<i>Perbandingan Pantang Larang Kaum Iban Dan Kaum Melanau</i>	<i>Jurnal Melayu Sedunia</i>

bersambung

		Nasirruddin, Natasha Dayang Brain, Nik Nur'ain Dalila Nik Azman, Nur Ilyia Maisarah Syaharudy		
17.	2021	Gregory Kiyai	<i>Awal Peradaban Masyarakat Iban di Tembawai Tampun Juah: Satu penelitian awal</i>	<i>Jurnal Peradaban</i>

Berdasarkan jadual 3, pengkaji telah memperolehi 17 artikel yang berkaitan dengan elemen budaya yang dikaji dalam kalangan masyarakat Iban. Pada masa yang sama, pengkaji mendapati bahawa terdapat satu artikel yang sesuai dengan setiap elemen sosial, elemen tradisi dan elemen pakaian masyarakat Iban. Manakala terdapat empat artikel yang masing-masing melibatkan elemen kepercayaan dan elemen seni. Elemen budaya yang paling banyak dikaji ialah elemen bahasa, iaitu terdiri daripada enam artikel.

Jadual 4. Bilangan artikel mengikut elemen budaya

No.	Elemen Budaya	Bilangan Artikel
1.	Sosial	1
2.	Tradisi	1
3.	Seni	4
4.	Bahasa	6
5.	Pakaian	1
6.	Kepercayaan	4

Jadual 4 merupakan ringkasan yang menunjukkan bilangan atau jumlah artikel mengikut elemen budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap elemen terdiri daripada bilangan artikel yang berbeza setelah melalui proses saringan. Antara elemen sosial yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga kini ialah budaya *Beduruk*. Berdasarkan kajian lepas, masyarakat Iban masih mengamalkan amalan *beduruk* dalam kehidupan seharian mereka. Tambahan pula, budaya *beduruk* tidak hanya diamalkan dalam sesuatu pekerjaan sahaja, namun ia boleh diamalkan dalam aktiviti sekolah. Hal ini bermaksud masyarakat Iban sering melakukan amalan *beduruk* dalam dunia sosial mereka.

Manakala dari segi elemen tradisi masyarakat Iban pula, pengkaji dapat mengatakan bahawa masyarakat Iban sentiasa mengamalkan amalan tradisi mereka walau di mana mereka berada. Hal ini dapat dilihat berdasarkan cara hidup mereka dari segi tempat tinggal, pakaian tradisional, makanan tradisional dan hasil kraf tangan. Mereka masih meneruskan tradisi tersebut dan tidak mudah pudar. Hal ini dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Gapor et al. (2023) yang menyatakan bahawa masyarakat Iban masih tinggal di rumah panjang, meskipun struktur dan material pembangunannya telah berubah mengikut keperluan dan cabaran kontemporari. Tradisi tinggal di rumah panjang masih dikekalkan sehingga hari ini dan turut dibincangkan dalam kajian-kajian lepas.

Seterusnya, setiap masyarakat di negara kita pasti mempunyai pakaian tradisional masing-masing. Begitu juga dengan masyarakat Iban yang turut mempunyai pakaian tradisionalnya yang tersendiri, iaitu *Ngepan*. Menurut Zamani Pit (2023), pakaian tradisional masyarakat Iban masih dikekalkan dan digunakan dalam kehidupan kontemporari, sama ada dalam konteks budaya, sosial, mahupun ritual. *Ngepan* merupakan pakaian tradisional yang dipakai oleh wanita Iban. Berdasarkan kajian lepas, *ngepan* masih dipakai oleh masyarakat Iban. Pada masa yang sama, pengkaji dapat mengetahui bahawa kain (*pua*) yang digunakan yang merupakan sebahagian daripada *ngepan* terdiri daripada empat jenis, iaitu *pua kebat*, *pua sungkit*, *pua pilih*, dan *pua kar*.

Elemen kepercayaan juga terdapat dalam budaya masyarakat Iban. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kepercayaan yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga kini, iaitu pantang larang (*mali*) dan roh (mahluk mitologi). *Mali* merupakan istilah yang digunakan oleh masyarakat untuk melarang antara satu sama lain daripada melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan malapetaka atau kemalangan. Jadi, sehingga kini masyarakat Iban masih percaya

bahawa setiap larangan yang menggunakan istilah *mali* hendaklah dipatuhi. Asri dan Tugang (2025) menyatakan bahawa kepercayaan tersebut memainkan peranan penting dalam menghubungkan masyarakat dengan alam semesta dan roh leluhur, walaupun sesetengah masyarakat Iban kini telah menganut agama moden. Manakala dari segi roh pula, masyarakat Iban percaya bahawa setiap benda pasti mempunyai roh. Dalam masyarakat Iban, roh sering dikaitkan dengan corak atau motif yang digunakan dalam *pua kumbu*. Setiap corak yang dihasilkan adalah berilhamkan makhluk mitologi seperti *naga*, *nabau*, *baya* dan *engkarong*. Jadi, perkara seperti ini masih menjadi sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Iban.

Masyarakat Iban juga mempunyai elemen seni dalam kebudayaan mereka. Antara elemen seni yang masih dikekalkan oleh masyarakat Iban ialah bertatu, *ngajat* dan bertenun. Masyarakat Iban mempunyai motif tatu nya yang tersendiri seperti *burung enggang*, *kala*, *nabau*, *kala nyangkam* dan sebagainya. Pada zaman dahulu, setiap motif tatu tersebut mempunyai tujuan dan maksud tersendiri. Namun, pada masa kini terdapat segelintir masyarakat Iban yang sudah membuat perubahan dan inovasi terhadap motif tatu tradisional. Begitu juga dengan *ngajat* yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban yang merupakan tarian tradisional mereka. Tenun juga merupakan hasil seni yang dilakukan oleh segelintir masyarakat Iban. Lazimnya mereka menenun *pua kumbu* yang merupakan sebahagian daripada pakaian tradisional mereka. Jadi, ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban masih mengekalkan unsur seni seperti tatu, *ngajat* dan bertenun. Hal ini dapat dikukuhkan lagi apabila Gregory Kiyai dan Noria Tugang (2020) menyimpulkan bahawa warisan dan estetika tradisional seperti ini yang diwarisi secara turun-temurun masih kekal relevan sebagai simbol identiti masyarakat Iban kontemporari.

Akhir sekali, masyarakat Iban juga mempunyai kemahiran dalam berbahasa dan bahasa juga merupakan sebahagian daripada aspek budaya. Keindahan bahasa masyarakat Iban digunakan untuk tujuan menunjukkan invocasi, adat dan hiburan. Antara aspek bahasa yang sering dikaji dalam kajian lepas ialah *leka main invocasi* (*Sabak*, *pengap gawai pangkung tiang* dan *biau*), *jaku kelaung* dan tabu bahasa. Melalui penelitian dari kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa tahap bahasa yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam aspek seni bahasa adalah tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap puisi masyarakat Iban mempunyai banyak unsur kiasan dan keindahan bahasa. Melalui kajian-kajian lepas, pengkaji dapat mengenali istilah atau simbol yang digunakan dalam seni bahasa masyarakat Iban. Begitu juga aspek seni bahasa tersebut masih dikekalkan oleh masyarakat Iban sehingga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana masih ada masyarakat Iban yang mahir dalam mencipta dan menyampaikan puisi-puisi tradisional tersebut sebagai warisan lisan (Empajang, Junaidi dan Banseng, 2024).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil tinjauan literatur secara sistematik mendapati bahawa kajian-kajian lepas banyak mengkaji elemen budaya masyarakat Iban seperti aspek sosial, seni, bahasa, pakaian tradisional, amalan tradisi, dan kepercayaan yang selaras dengan teori budaya Zoltan Konvecses (2005). Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Zoltan Konvecses (2005), budaya dapat diperincikan dan dipecahkan kepada enam elemen bagi menunjukkan keluasan sesuatu elemen budaya. Hal ini membuktikan bahawa elemen budaya masyarakat Iban sudah banyak dibawa ke dunia penyelidikan. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa elemen budaya dalam kalagan masyarakat Iban masih dikekalkan dan menjadi turun-temurun kepada generasi muda. Kajian-kajian ini secara keseluruhan menekankan kepentingan elemen-elemen tersebut dalam membentuk identiti, nilai, dan struktur masyarakat Iban. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang yang signifikan untuk penyelidikan lanjutan, khususnya yang meneliti transformasi budaya ini dalam konteks pemodenan, pemodenan pendidikan, dan pengaruh luar. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam dan berfokus diperlukan bagi memperkukuh dokumentasi ilmiah serta menyokong usaha pemeliharaan budaya masyarakat Iban dalam landskap budaya Malaysia yang semakin dinamik.

Konflik Kepentingan

Penulis mengaku bahawa tiada konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Sumbangan Penulis

Debbie Grace: Konseptualisasi kajian, Metodologi, Pengumpulan data, Penganalisan data, Penulisan draf asal, Semakan dan penyuntingan.
Muhamad Fadzilah: Penyeliaan.

Penyataan Ketersediaan Data

Data kajian ini tersedia secara terbuka dalam repositori awam dan disertakan dengan pengecam kekal seperti DOI.

Deklarasi AI Generatif

Semasa menyiapkan penulisan artikel ini, pengkaji menggunakan perisian ChatGPT untuk menghasilkan penulisan yang jelas. Selepas menggunakan perisian ChatGPT, pengkaji menyemak dan menyunting semula kandungan mengikut keperluan dan bertanggungjawab terhadap kandungan penerbitan ini.

RUJUKAN

- Abdul Gapor, S., Silini, M. O. E., Echoh, D. U., & Abdul Rahman, H. F. (2023). Factors and effects of changes in the spatial layout of Iban dwelling in Sarawak. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 19(2), 64–78.
- Ahoi, M. A., & Nasri, N. M. (2021). Pengaruh budaya Iban terhadap gaya pembelajaran murid Iban. *Jurnal Personalita Pelajar*, 24(1).
- Asri, A., & Tugang, N. (2025). Pengarap lama dalam budaya Iban: Penelitian animisme Iban. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 9(1), 31–52. <https://doi.org/10.51200/jba.v9i1.5623>
- Benjamin Liam, & Chemaline Osup. (2020). Unsur simbolisme dalam pengap Gawai Pangkung Tiang: Element of symbolism in pengap Gawai Pangkung Tiang. *PENDETA*, 11(2), 55–69. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.5.2020>
- Empajang, N. K., Junaidi, R., & Banseng, S. (2024). Struktur puisi ramban dalam buku Leka Main Iban berdasarkan perspektif teori strukturalisme. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 35(2), 86–104.
- Gerry, D., Radzi, H., & Mohamed Sultan, F. M. M. (2024). Penggunaan dan pengamalan kajian bahasa Iban: Sorotan literatur bersistematik. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(2), 153–166. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.14>
- Isa Lee, & Rosline Sandai. (2020). Ciri dan maksud hiperbola (jaku kelangkung) lirik dalam lagu pop Iban. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), 175–184. <https://doi.org/10.33306/mjssh/106>
- Jessica Dato, R., Rosline Sandai, & Dermawan, T. (2020). Unsur yang membentuk metafora dalam Biau [The elements that form metaphor in Biau]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 126–134. <https://doi.org/10.33306/mjssh/87>
- Kiyai, G. (2022). Makhluk mitologi dalam artifak budaya Iban: Pua kumbu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 35(1).
- Kiyai @ Keai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 67–78.
- Kiyai, G., Tugang, N., & Seer, O. (2020). Ngajat Iban: A cultural study. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(2), 70–83.
- Kluckhohn, C. (1953). *Universal categories of culture*. Dalam A. L. Kroeber (Ed.), *Anthropology today* (pp. 507–523). University of Chicago Press.
- Kövecses, Z. (2005). *Metaphor in culture: Universality and variation*. Cambridge University Press.
- Leerssen, J. (2021). Culture, humanities, evolution: The complexity of meaning-making over time. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*, 376(1822), Article 20200043. <https://doi.org/10.1098/rstb.2020.0043>
- Litik, B. S. Y., & Argarini, D. F. (2023). Eksplorasi etnomatematika pada artefak peninggalan sejarah di Kota NTT. *Jurnal Ilmiah Matematika Realistik*, 4(1), 79–88.

- Osman, M. S., Asri, A., & Tugang, N. (2025). Pengaruh alam semula jadi dalam tradisi bertatu Iban: The influence of nature in Iban tattoo tradition. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 9(1), 179–200. <https://doi.org/10.51200/jba.v9i1.5947>
- Peter Langan, M., & Sarudin, A. (2023). Analisis kognitif etnik Iban dalam Leka Main berdasarkan teori genus dan spesies. *PENDETA*, 14(2), 97–108. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.8.2023>
- Pit, M. Z. (2023). Kain pua: The role and status of Iban women through nakar ritual. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 8(1), 253–278.
- Seman, L. (2020). Imej arketaip dalam puisi sabak: Archetypal images in sabak poetry. *PENDETA*, 11(1), 88–97. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.6.2020>
- Tugau, M., Magiman, M. M., Kundat, F. R., & Salleh, N. (2022). Ritual pelian budaya masyarakat Iban di daerah Sebauh, Bintulu, Sarawak. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 52–61. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.7.2022>
- Wan Basyirah Abdul Majid, Zakaria, M. Z., & Mhd Rusdi, M. I. (2022). Analisis nilai-nilai budaya dalam kisah Surah al-Kahfi. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(7). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1907.02>